

MEMO

Kepada : Semua Pelanggan PBKSB
Daripada : Pengurus Hartanah
Salinan : Ketua Kastam Kemaman
Tarikh : 4 September 2016
**Perkara : KEPERLUAN MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI
MENAMBAH / MEROBOHKAN BINAAN DI DALAM
KAWASAN BERLESEN PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN**

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

Dukacita dimaklumkan pihak kami mendapati ada sebahagian pelanggan telah melanggar syarat-syarat di dalam perjanjian sewaan dengan pihak PBKSB iaitu perkara 4.12 seperti berikut:-

(4.12) No Additions, Modification and Alternations to the Premises:

"The Tenant shall not effect any additions, alternation or modification to the said Premises without the consent in writing of the Landlord..."

Hal ini turut memberi kesan kepada pihak PBKSB yang merupakan pemegang lesen gudang dan gudang mengilang dibawah seksyen 65/65A dibawah akta Kastam 1967, dimana pihak kami terikat dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dengan Kastam DiRaja Malaysia seperti berikut:

(11) Pelesen tidak dibenarkan membina, mengubah dan meminda apa-apa jua bangunan atau pagar termasuk pintu keluar/masuk yang telah dibenarkan dikawasan berlesen melainkan dengan kebenaran Kastam secara rasmi.

Oleh yang demikian, semua penyewa perlu mengemukakan surat permohonan kepada kami dan seterusnya menunggu kelulusan bertulis daripada pihak Kastam terlebih dahulu sebelum menambah atau merobohkan apa-apa binaan di dalam kawasan berlesen KSB.

Kegagalan pihak tuan mematuhi arahan ini menyebabkan pihak kami terpaksa mengambil tindakan lebih tegas termasuk menamatkan perjanjian sewaan.

Sekian, terima kasih


ZAMRI AWANG @ ABDUL GHANI



PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN. BHD.